

Khalid lebih diterima berbanding Anwar, Najib

MalaysiaKini.com

April 30, 2013

By Ram Anand

Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim berada di kedudukan lebih tinggi daripada Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak daripada aspek penerimaan umum, menurut sebuah kajian.

Menurut kajian Universiti Selangor (Unisel), kepimpinan Khalid dihormati oleh 63 peratus daripada 1,015 responden di seluruh Selangor.

Manakala Anwar hanya mendapat 58.4 peratus dan Najib sebanyak 51.2 peratus.

Dapatan kajian juga mendapati inisiatif air percuma 20 meter padu sebulan pula sangat popular dengan 91 peratus responden menyokongnya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/228536>